

Pesakit terkena penyakit anjing gila dilaporkan tenat, dirawat di Hospital Umum Sarawak

Tiga budak positif virus rabies

Kosmo
21/7/17
mls 8

Oleh TAUFIK SALIMIN

KUCHING – Seramai tiga kanak-kanak di negeri ini dilaporkan telah dijangkiti virus rabies atau penyakit anjing gila yang berbahaya baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima laporan daripada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) berkaitan jangkitan penyakit itu terhadap tiga kanak-kanak di Serian di sini pada Khamis lalu.

Menurutnya, kesemua kanak-kanak itu dimasukkan ke wad Hospital Umum Sarawak (HUS) selepas masing-masing positif virus rabies.

“Kes pertama melibatkan seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun dan diikuti



ORANG ramai perlu berhati-hati apabila berhadapan dengan anjing liar yang mungkin boleh membawa penyakit anjing gila. – Gambar hiasan

kakaknya berusia enam tahun dari Kampung Paon, Sungai Rimu, Serian manakala kes terbaharu membabitkan seorang budak perempuan yang berumur tujuh tahun dari Kampung

Lebur, Gedong.

“Pada awalnya mereka mengalami demam namun melarat dengan perubahan tingkah laku iaitu bersifat agresif hidrofobia (takut kepada air atau takut

minum air),” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham memberitahu, mangsa pertama dan ketiga pernah terkena gigitan anjing kira-kira tiga minggu atau sebulan lalu sebelum virus tersebut dikesan.

Katanya, difahamkan keadaan mereka ketika ini adalah tenat dan sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi HUS.

“KKM akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan agensi lain yang berkaitan bagi memastikan jangkitan virus rabies dalam kalangan manusia dapat dikawal dan tiada penularan berlaku.

“Pihak kami juga telah mengingatkan daerah-daerah lain yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia supaya meningkatkan pemantauan kes gigitan anjing di daerah masing-masing,” ujarnya.

INFO Virus rabies

- Sejenis penyakit disebabkan jangkitan *Lyssavirus* daripada haiwan seperti anjing yang dijangkiti rabies
- Berjangkit menerusi luka gigitan, luka terbuka pada kulit daripada air liur, cairan atau tisu tubuh daripada haiwan itu kepada manusia
- Tanda-tanda jangkitan rabies seperti demam, sakit badan dan kepala, hidrofobia, lumpuh dan koma
- Antara pencegahan adalah pastikan anjing peliharaan mendapatkan suntikan antirabies dan jauhi anjing liar
- Dapatkan rawatan segera di klinik kesihatan atau hospital terdekat jika digigit anjing